

Malaysia-Jepun majukan teknologi minyak bio

Daripada ZULKEFLI HAMZAH

TOKYO 23 Mei - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Malaysia akan bekerjasama dengan Jepun untuk memajukan teknologi minyak bio berasaskan minyak kelapa sawit sebagai alternatif sumber bahan api.

Menurut Perdana Menteri, Jepun yang sekarang ini dalam proses untuk meningkatkan mutu minyak bio sebagai bahan api berminat terhadap potensi minyak kelapa sawit bagi menggantikan petrol.

Katanya, Malaysia mempunyai pengalaman luas dalam penyelidikan komoditi itu tetapi ia perlu disesuaikan dengan matlamat untuk menjadikan minyak kelapa sawit sebagai minyak bio bermutu tinggi.

"Jepun akan bekerjasama dengan kita. Kalau ada apa-apa boleh dimanfaatkan kita akan bekerjasama. Kerjasama tidak jadi masalah kerana penyelidikan minyak kelapa sawit di Malaysia pada peringkat yang cukup tinggi," katanya.

Beliau berkata demikian kepada wartawan Malaysia selepas taklimat penggunaan minyak bio di Jepun oleh Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri serta sektor swasta Jepun termasuk Nippon Oil Corporation dan Toyota Motor Corporation di sini hari ini.

Turut hadir pada dialog itu ialah Penasihat Hubungan Luar, Tan Sri Abdul Kadir Mohamad; Duta Malaysia ke Jepun, Datuk Marzuki Mohammed Noor serta Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Petronas, Tan Sri Hassan Marican.

Abdullah dalam rangka lawatan lima hari ke Jepun bagi menghadiri Persidangan Antarabangsa Nikkei Ke-12 yang bermula Khamis ini.

Perdana Menteri menjelaskan minyak kelapa sawit merupakan satu sumber besar untuk tenaga selain kualitinya yang baik dan bekalannya mudah diperolehi.

Ditanya mengenai cadangan beberapa negara termasuk Amerika Syarikat untuk memberikan subsidi bagi melindungi kacang soya, Abdullah berkata, ada kecende-

UM - 24/5/2006
Kerjasama tidak jadi masalah kerana penyelidikan minyak kelapa sawit di Malaysia pada peringkat yang cukup tinggi

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

rungan untuk negara-negara berkenaan berbuat demikian.

"Ia ada disentuh dalam perbincangan tadi. Tetapi jika subsidi diberikan ia menyebabkan tarif tinggi kepada minyak bio yang akan dieksport oleh negara lain. Ini akan jadi kesudahan kemudiannya," jelasnya.

Mengenai pertemuannya dengan Maharaja Akihito, Abdullah berkata, beliau telah menyatakan persiapan Malaysia untuk menerima lawatannya ke Perak yang dijadual pada 10-11 Jun ini.

Tambah beliau, lawatan Maharaja Akihito ke Perak kerana semasa kunjungan terdahulu tidak sempat melawat negeri itu.

Mengulas pertemuan dengan Menteri Mentor Singapura, Lee Kuan Yew semalam, Perdana Menteri berkata, perbincan-

gan menyentuh isu antarabangsa berkaitan peranan China, India dan Asia Timur kerana perkara tersebut menjadi tajuk bagi Persidangan Antarabangsa Nikkei kali ini.

Katanya, bekas Perdana Menteri itu juga menyatakan bahawa sebagai negara jiran, Malaysia-Singapura perlu terus menjalin hubungan baik yang semestinya akan membawa manfaat kepada kedua-dua buah negara.

Kuan Yew yang dilantik semula sebagai Menteri Mentor dalam Kabinet baru Perdana Menteri, Lee Hsien Loong adalah antara pemimpin utama yang dijemput menghadiri persidangan tersebut selain bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.